**SALINAN TERKAWAL**



# PROSEDUR SOKONGAN

## MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

# PROSEDUR KAWALAN REKOD

# MDKT-URUS-02

| DISEDIAKAN OLEH: | DILULUSKAN OLEH: |
|---|---|
| | |
| NAMA: | NAMA: |
| JAWATAN: | JAWATAN: |

## 1. OBJEKTIF

Untuk mengawal dan memastikan rekod kualiti yang terlibat dengan Sistem Pengurusan Kualiti sentiasa diurus dan diselenggara dengan sistematik dan mengikut keperluan MS ISO 9001:2015

## 2. SKOP PELAKSANAAN

Prosedur ini digunapakai dalam mewujud, menyenggara dan melupuskan rekod kualiti secara manual ataupun secara virtual bagi Jabatan yang melaksanakan sistem ini.

## 3. RUJUKAN

3.1 - Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1997 – Peraturan Pemeliharaan Rekod-rekod Kerajaan

3.2 - Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia

3.3 - Panduan Pengurusan Pejabat

3.4 - Arahan Pekeliling Perkhidmatan Surat Pekeliling Perkhidmatan, Surat Edaran dan Surat Pemakluman.

3.5 - Arahan Perbendaharaan

# 4. DEFINISI

## 4.1 REKOD KUALITI

Dokumen rasmi yang disediakan secara dalaman MDKT ataupun luaran, yang terlibat dengan sistem kualiti.

## 4.2 *VIRTUAL*/MAYA

Data yang dimasukkan ke dalam komputer atau internet

# 5. SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| YDP | - | Yang Dipertua Majlis |
| SU | - | Setiausaha Majlis |
| PPT | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| KPT | - | Ketua Pembantu Tadbir |
| PTS | - | Pembantu Tadbir Surat |
| PO | - | Pembantu Operasi |
| KJ | - | Ketua Jabatan |
| PA | - | Pembantu Tadbir, N19 (Pem.Setiausaha Pejabat) |
| PBYT | - | Pegawai/Anggota Jabatan Cawangan/ Seksyen/Unit yang diberi tanggungjawab mengendalikan surat |
| PYB | - | Pegawai Yang Bertanggungjawab |
| JKP | - | Jabatan Khidmat Pengurusan |

# 6. TANGGUNGJAWAB

| JAWATAN | TANGGUNGJAWAB |
|---|---|
| SU | - Bertanggungjawab menyemak surat-surat sulit<br>- Bertanggungjawab meluluskan fail-fail untuk dilupuskan |
| PPT | - Bertanggungjawab menyemak surat yang diterima<br>- Bertanggungjawab mengambil tindakan ke atas fail untuk pelupusan |
| PTS | - Bertanggungjawab menerima dan membuka surat<br>- Bertanggungjawab mengunci masuk maklumat surat-surat yang diterima ke dalam Sistem Persuratan & Pengurusan Fail<br>- Bertanggungjawab membuka, mendaftar, dan merekod pergerakan fail.<br>- Bertanggungjawab menyemak fail-fail untuk tujuan pelupusan |
| PO | - Bertanggungjawab merekod surat-surat untuk dihantar melalui pos atau serahan tangan |

## 7. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

| Tanggungjawab | Tindakan |
|---|---|
| | **PENDAFTARAN DAN PENERIMAAN SURAT BIASA/SULIT** |
| **PTS/PO** | Menerima surat-surat secara pos atau dengan tangan. |
| | Membuka surat dan cop tarikh terima jika surat biasa dan sekiranya surat sulit serahkan kepada SU/PPT dengan Buku Daftar Surat Sulit. |
| **PPT** | Serahkan surat-surat tersebut kepada Penolong Pegawai Tadbir untuk semakan dan catatan kepada PYB/PBYT. |
| **PTS** | Menerima dan meneliti surat/dokumen yang telah diminitkan oleh PPT; |
| | Semua surat/dokumen biasa hendaklah didaftarkan ke dalam Sistem Persuratan dan Pengurusan Fail menerusi pautan www.esurat.johor.gov.my |
| | Jika surat/dokumen bersama cek atau wang pos dsb., daftar ke dalam komputer<br>(Rujuk : **MDKT/URUS.02.L02**) |
| | **PEMBUKAAN DAN PENDAFTARAN FAIL** |
| **PTS** | Jika surat/dokumen untuk jabatan dalaman selain Jabatan Khidmat Pengurusan sila serahkan surat/dokumen tersebut kepada PBYT Jabatan berkenaan dan dapatkan pengesahan penerimaan daripada Jabatan tersebut. |

| | |
|---|---|
| **PTS/PO** | Jika surat/dokumen Jabatan Khidmat Pengurusan dapatkan fail berkaitan bagi surat/dokumen tersebut.<br><br>Jika surat/dokumen yang baru, buka fail baru (Rujuk-Pembukaan dan pendaftaran fail).<br><br>Masukkan surat/dokumen tersebut ke dalam fail berkenaan dan minitkan di atas kertas minit.<br><br>Mengemukakan fail kepada Pegawai yang berkenaan sebagaimana minit PPT dengan mengisi borang pergerakan fail.<br>(Rujuk : **MDKT/URUS.02.L03**). |
| **PTS** | Menyemak dan membuka fail sambungan apabila sesuatu fail mengandungi 100 kandungan atau apabila sesuatu fail dianggap terlalu tebal walaupun ianya kurang daipada 100 kandungan.<br><br>**PENGHANTARAN SURAT** |
| **PO** | Menerima surat untuk dihantar.<br><br>Memasukkan surat ke dalam sampul/bungkusan mengikut kesesuaian bahan yang hendak dihantar serta berpandukan Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia.<br><br>Merekodkan surat yang hendak dihantar dengan tangan dan mencatatkan di dalam Buku Daftar Penghantaran Surat. (Rujuk : **MDKT/URUS.02.L04**). |

| | |
|---|---|
| | Menimbang surat yang hendak dihantar secara pos biasa, bagi menentukan nilai bayaran dan mencatatkan di dalam Buku Daftar Pos. (Rujuk : **MDKT/URUS.02.L05**).<br>Mengisi Borang Pos Laju bagi surat yang hendak dihantar melalui perkhidmatan Pos Laju dan menghubungi pihak yang berkaitan untuk urusan penghantaran. |
| | **PELUPUSAN REKOD KUALITI** |
| **PTS** | Menyemak dan menyenaraikan fail yang perlu dilupuskan berpandukan kepada Akta Arkib Negara Malaysia, 1966 dan Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1977. Selanjutnya, mengemukakan kepada SU. |
| **SU** | Meluluskan/tidak meluluskan senarai fail yang hendak dilupuskan dan arahkan PPT ambil tindakan lanjut. |
| **KPT/PTS** | Menghubungi pihak Arkib Negara supaya membuat pemeriksaan ke atas fail yang dicadangkan untuk dilupuskan. (Rujuk: **MDKT/19/09/02**). |
| **PPT/KPT/PTS** | Mengambil tindakan mengikut syor pihak Arkib Negara dan merekodkannya Borang Rekod Senarai Fail Lupus(Rujuk: **MDKT/URUS.02.L06**). Bagi urusan pelupusan rekod-rekod kualiti kewangan adalah berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan. |

## 8. REKOD KUALITI

| Bil. | Rekod | Tempoh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 8.1 | Buku Daftar Penerimaan Surat | 3 Tahun | Jabatan Pentadbiran |
| 8.2 | Fail Yang Disimpan oleh Jabatan | 3 Tahun | Jabatan Berkenaan |
| 8.3 | Surat Akuan Terima | 3 Tahun | Jabatan Berkenaan |
| 8.4 | Buku Daftar Penghantaran Surat | 3 Tahun | Jabatan Berkenaan |
| 8.5 | Borang Pos Laju | 3 Tahun | Jabatan Berkenaan |
| 8.6 | Rekod Senarai Fail Lupus | 3 Tahun | Jabatan Berkenaan |

## 9.LAMPIRAN

| Bil. | Lampiran | Rujukan |
|---|---|---|
| 8.1 | Daftar Surat bersama Cek | MDKT/URUS.02.L02 |
| 8.2 | Borang Pergerakan Fail | MDKT/URUS.02.L03 |
| 8.3 | Buku Daftar Penghantaran Surat Serahan Tangan | MDKT/URUS.02.L04 |
| 8.4 | Buku Daftar Penghantaran Surat Dengan Pos | MDKT/URUS.02.L05 |
| 8.5 | Borang Senarai Pelupusan Fail | MDKT/URUS.02.L06 |

# 10. CARTA ALIR

## 10.1 Penerimaan Surat

Terima Surat.
**(Nota 1)**

↓

Buka surat dan cop tarikh terima.
**(Nota 2)**

↓

Semakan surat untuk diminitkan.
**(Nota 3)**

↓

Merekod dan mengedar surat mengikut jabatan.
**(Nota 4)**

### 10.2 Pembukaan dan Pendaftaran Fail



## 10.3 Penghantaran Surat

Terima surat untuk dihantar.
**(Nota 1)**

Memasukkan surat ke dalam sampul.
**(Nota 2)**

Merekod surat ke dalam buku daftar penghantaran.
**(Nota 3)**

Menimbang surat jika pos biasa dan daftar buku penghantaran.
**(Nota 4)**

Mengisi borang pos laju jika dihantar menggunakan pos laju.
**(Nota 5)**

## 10.4 Pelupusan Rekod Kualiti

Semak fail yang perlu dilupuskan.
**(Nota 1)**

Dapatkan kelulusan SU untuk pelupusan.
**(Nota 2)**

Hubungi pihak arkib untuk pemeriksaan fail yang akan dilupuskan.
**(Nota 3)**

Ambil tindakan pelupusan mengikut syor pihak arkib.
**(Nota 4)**